

PENGABAIAAN NAFKAH 'IDDAH: PERSPEKTIF HUKUM SYARAK DAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA

THE FAILURE TO PROVIDE 'IDDAH MAINTENANCE: AN ANALYSIS FROM THE PERSPECTIVES OF SYARIAH LAW AND ISLAMIC FAMILY LAW IN MALAYSIA

^{i,*}Nurul Afifah Balqeis Roslee, ⁱMuhammad Aunurrochi Mas'ad, ⁱAbdul Manan Ismail, ⁱⁱ Nurin Insyirah Salleh,
ⁱⁱ Siti Khairiyah Abdul Aziz, ⁱⁱ Muti'ah Muhammad & ⁱⁱ Wan Najibah Wan Mohd Din

ⁱFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai
Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱDarul Quran MAIK, Kompleks Islam Jubli Perak, Sultan Ismail Petra, 16100 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

*(Corresponding Author): puteri.balqeis94@gmail.com

ABSTRAK

Nafkah 'iddah merupakan salah satu hak isteri selepas perceraian yang wajib ditunaikan oleh bekas suami menurut hukum syarak dan undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Walaupun kewajipan ini telah diperuntukkan secara jelas dalam akta dan enakmen kekeluargaan Islam, realiti menunjukkan masih wujud pengabaian nafkah 'iddah, khususnya di negeri Kelantan. Kajian ini bertujuan menganalisis konsep dan pensyariatan nafkah 'iddah dari perspektif hukum syarak, menilai peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia berkaitan nafkah 'iddah, serta mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada pengabaian nafkah tersebut oleh bekas suami. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur bersama pegawai mahkamah syariah, peguam syarie, serta wanita yang terlibat dalam kes pengabaian nafkah 'iddah. Dapatan kajian menunjukkan antara cabaran utama ialah kelewatan proses penghakiman, sikap lepas tangan bekas suami, kelemahan mekanisme penguatkuasaan, serta tahap kesedaran yang rendah terhadap kewajipan nafkah 'iddah. Kajian ini mencadangkan penambahbaikan dari sudut prosedur mahkamah, perluasan bantuan guaman syarie kepada golongan B40, serta pengukuhan mekanisme penguatkuasaan seperti potongan gaji automatik dan senarai hitam bagi meningkatkan pematuhan terhadap perintah nafkah 'iddah dan seterusnya membela hak wanita pasca perceraian.

Kata kunci: *Nafkah 'iddah, pengabaian nafkah, Mahkamah Syariah, undang-undang keluarga Islam, Kelantan, wanita*

ABSTRACT

Iddah maintenance is one of the wife’s rights after divorce that must be fulfilled by the former husband according to Islamic law and Islamic family law in Malaysia. Although this obligation is clearly enshrined in statutory provisions and Islamic family enactments, in practice, the neglect of iddah maintenance continues to occur, particularly in the state of Kelantan. This study aims to analyse the concept and legal basis of iddah maintenance from the perspective of Islamic law, examine the relevant provisions of Islamic family law in Malaysia, and identify the factors contributing to the neglect of iddah maintenance by former husbands. This study adopts a qualitative design through document analysis and semi-structured interviews with Syariah court officers, Syariah lawyers and women involved in iddah maintenance neglect cases. The findings indicate that key challenges include delays in judicial processes, the irresponsible attitude of former husbands, weaknesses in enforcement mechanisms, and a low level of awareness regarding the obligation of iddah maintenance. The study proposes several improvements in court procedures, the expansion of Syariah legal aid for the B40 group, and the strengthening of enforcement mechanisms, such as automatic salary deductions and blacklisting, in order to enhance compliance with iddah maintenance orders and to protect women’s rights after divorce.

Keyword(s): *iddah maintenance, neglect, Syariah Court, Islamic family law, Kelantan, women.*

Pendahuluan

Nafkah ‘iddah merupakan salah satu kewajipan yang ditetapkan oleh hukum syarak ke atas seorang suami terhadap bekas isterinya setelah berlaku perceraian. Kewajipan ini bukan sahaja berbentuk tuntutan agama, malah mencerminkan hubungan kemasyarakatan dan nilai kemanusiaan yang tinggi dalam memastikan kebajikan wanita yang berada dalam tempoh ‘iddah terpelihara. Dalam konteks undang-undang keluarga Islam di Malaysia, kewajipan ini diperuntukkan melalui akta dan enakmen negeri, termasuk Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002.

Namun demikian, pelaksanaan nafkah 'iddah di lapangan masih berdepan pelbagai cabaran. Pengabaian nafkah 'iddah oleh bekas suami berlaku meskipun mekanisme tuntutan telah disediakan. Situasi ini menimbulkan persoalan tentang keberkesanan penguatkuasaan undang-undang keluarga Islam serta tahap kesedaran masyarakat Muslim terhadap tanggungjawab syarie pasca perceraian. Pengabaian tersebut bukan sahaja menjejaskan kedudukan ekonomi, bahkan memberi kesan psikologi dan sosial kepada wanita yang sepatutnya dilindungi oleh syariat Islam dan undang-undang negara.

Sehubungan itu, kajian ini menumpukan perhatian kepada isu pengabaian nafkah 'iddah dengan memberi fokus kepada analisis dari perspektif hukum syarak dan undang-undang keluarga Islam di Malaysia, khususnya dalam konteks negeri Kelantan. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pengukuhan pelaksanaan hak-hak wanita yang diceraikan.

Pernyataan Masalah

Secara prinsip, nafkah 'iddah merupakan hak wanita yang telah ditetapkan syarak selepas perceraian bagi menjamin kebajikan dan kestabilan hidupnya dalam tempoh menunggu ('iddah). Realitinya, masih ramai bekas suami yang mengabaikan kewajipan ini sama ada secara sengaja atau kerana kelemahan kefahaman mengenai tuntutan agama dan undang-undang.

Laporan tahunan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan pendedahan media massa menunjukkan peningkatan kes pengabaian nafkah 'iddah dan kelewatan pembayaran nafkah yang berpanjangan. Bekas isteri terpaksa memfailkan tuntutan di Mahkamah Syariah, menghadapi prosedur yang panjang dan memenatkan, di samping berdepan sikap tidak bekerjasama daripada bekas suami. Sebahagian kes kekal tidak diselesaikan walaupun perintah mahkamah telah dikeluarkan, akibat masalah pematuhan dan penguatkuasaan yang lemah.

Jadual 1 di bawah merumuskan beberapa statistik berkaitan tuntutan nafkah 'iddah di Malaysia:

Jadual 1. Statistik berkaitan tuntutan nafkah 'iddah di Malaysia

Tahun	Jumlah Kes Tuntutan Nafkah 'Iddah	Sumber
-------	-----------------------------------	--------

2017–2021	520 kes	Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) melaporkan bahawa dalam tempoh lima tahun tersebut, terdapat 520 kes tuntutan nafkah 'iddah yang difailkan di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.
2020	91 kes	Statistik Sulh Negeri Sembilan menunjukkan bahawa pada tahun 2020, terdapat 91 kes tuntutan nafkah 'iddah yang didaftarkan.
2021	5% daripada klien	Laporan Sisters in Islam (SIS) melalui Telenisa mencatatkan bahawa 5% daripada klien mereka pada tahun 2021 mengemukakan isu berkaitan nafkah 'iddah.
2022	6% daripada klien	Pada tahun 2022, laporan Telenisa oleh SIS menunjukkan peningkatan kepada 6% klien yang menghadapi isu nafkah 'iddah.

Walaupun peruntukan berkaitan nafkah 'iddah telah digubal dalam undang-undang keluarga Islam, keberkesanan pelaksanaannya masih dipersoalkan. Kekangan kuasa penguatkuasaan Mahkamah Syariah, tahap kesedaran masyarakat yang rendah, serta sikap memandang ringan nafkah 'iddah kerana beranggapan hubungan suami isteri telah berakhir, antara cabaran utama yang dikenal pasti.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan objektif berikut:

1. Menganalisis konsep dan pemyariatan nafkah 'iddah berdasarkan dalil hukum syarak.
2. Mengkaji peruntukan dan pelaksanaan undang-undang keluarga Islam di Malaysia berkaitan nafkah 'iddah.
3. Mengenal pasti punca pengabaian nafkah 'iddah oleh bekas suami serta kelemahan pelaksanaan undang-undang dalam menanganinya.

Soalan Kajian

Berdasarkan objektif di atas, kajian ini berusaha menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah konsep, dalil dan prinsip hukum syarak yang menjadi asas kepada kewajipan nafkah 'iddah?
2. Bagaimanakah undang-undang keluarga Islam di Malaysia mengatur pelaksanaan nafkah 'iddah kepada bekas isteri selepas perceraian?
3. Apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada pengabaian nafkah 'iddah oleh bekas suami dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia?

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan dua kaedah utama, iaitu analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur. Analisis dokumen melibatkan kajian terhadap al-Quran, hadis, kitab-kitab fiqh pelbagai mazhab, akta dan enakmen undang-undang keluarga Islam, fatwa, serta laporan badan-badan berkaitan seperti JKSM dan BSK. Di samping itu, temu bual separa berstruktur dijalankan bersama pegawai mahkamah, peguam syarie dan beberapa orang wanita yang pernah berdepan isu pengabaian nafkah 'iddah, khususnya di Kelantan. Data yang diperoleh dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti pola, isu dan cabaran utama dalam pelaksanaan nafkah 'iddah.

Tinjauan Literatur

Definisi Nafkah

Secara bahasa, nafkah berasal daripada kata dasar *an-nafaqah* yang membawa maksud mengeluarkan atau membelanjakan harta. Dari sudut istilah syarak, nafkah merujuk kepada penyediaan keperluan asas oleh seseorang kepada individu yang berada di bawah tanggungannya, sama ada dalam bentuk makanan, pakaian, tempat tinggal atau perbelanjaan harian. Konsep ini merangkumi tanggungjawab yang wajib ditunaikan oleh seorang suami terhadap isteri dan ahli keluarganya bagi menjamin kelangsungan hidup mereka (Zaini Nasohah, 2002).

Definisi 'Iddah

'Iddah ialah tempoh tertentu yang diwajibkan oleh syarak ke atas seorang wanita selepas berlakunya perceraian atau kematian suami. Tujuannya ialah untuk memastikan kesucian rahim, menghormati institusi perkahwinan yang telah berakhir dan memberi ruang pemulihan emosi kepada wanita tersebut. Tempoh 'iddah berbeza mengikut sebab perceraian dan keadaan wanita, sama ada hamil atau tidak, serta sama ada perceraian melalui talak atau kematian suami (Muhammad Zuhaili bin Salman, 2023).

Definisi Nafkah 'Iddah

Nafkah 'iddah ialah pemberian wajib oleh bekas suami kepada bekas isterinya dalam bentuk makanan, pakaian, tempat tinggal dan perbelanjaan harian sepanjang tempoh 'iddah talak raj'ie. Ia bertujuan memastikan kebajikan bekas isteri tidak terabai dalam tempoh peralihan tersebut. Tanggungjawab ini berpaksikan prinsip keadilan dan ihsan, serta menggambarkan

bahawa hubungan tanggungjawab suami terhadap bekas isteri masih berterusan walaupun talak telah dijatuhkan (Hammad, 2014).

Dalil Pensyariatan Nafkah dan Nafkah 'Iddah

Pensyariatan nafkah dan nafkah 'iddah ditegaskan melalui al-Quran dan hadis. Antaranya firman Allah SWT dalam Surah al-Talaq:

Terjemahan: Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah daripada apa yang diberikan oleh Allah kepadanya (sekadar yang mampu...).

(Surah At-Talaq, 65:7)

Manakala Surah al-Baqarah ayat 233 yang mewajibkan suami menyediakan tempat tinggal, makanan dan pakaian kepada isteri mengikut kemampuan dan dengan cara yang ma'ruf. Ayat-ayat ini menjadi asas kewajipan nafkah termasuk dalam tempoh 'iddah. Hadis-hadis Nabi SAW juga menegaskan keutamaan nafkah kepada keluarga, antaranya hadis riwayat Muslim tentang kelebihan nafkah yang dibelanjakan kepada ahli keluarga,

Terjemahan: Satu dinar yang kamu nafkahkan di jalan Allah, satu dinar yang kamu nafkahkan untuk memerdekakan hamba, satu dinar yang kamu sedekahkan kepada orang miskin, dan satu dinar yang kamu belanjakan untuk keluargamu; maka yang paling besar pahalanya adalah yang kamu belanjakan untuk keluargamu.

(Riwayat Muslim (hadis no. 995)

Seterusnya, hadis Hindun binti Utbah yang membenarkan isteri mengambil daripada harta suami sekadar kadar keperluan apabila suami gagal menunaikan nafkah (Muslim, n.d.). Ini menunjukkan betapa seriusnya tanggungjawab nafkah dalam Islam.

Jenis-Jenis Nafkah

Para fuqaha' umumnya membahagikan nafkah kepada dua kategori utama, iaitu nafkah zahir dan nafkah batin (al-Zuhaili, 2007).

1. **Nafkah zahir** merangkumi keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan kemudahan rumah tangga. Imam al-Nawawi menyenaraikan beberapa keperluan asas yang wajib disediakan suami kepada isteri, termasuk makanan yang mencukupi,

kelengkapan rumah, pakaian yang sesuai dan tempat tinggal yang selamat (al-Nawawi, 1995; bin Md Isa, 2022).

2. **Nafkah batin** pula merujuk kepada keperluan rohani dan emosi isteri, meliputi keintiman, perhatian, komunikasi dan sokongan psikologi. Sarwat (2021) menegaskan bahawa nafkah batin bukan hanya berkaitan hubungan seksual, tetapi juga aspek sokongan moral dan perasaan dihargai dalam rumah tangga.

Sebab-Sebab Wajib Nafkah

Dalam fiqh, kewajipan nafkah timbul daripada tiga sebab utama:

- (i) hubungan kekeluargaan (nasab),
- (ii) pemilikan, dan
- (iii) perkahwinan (Imron Abu Amar, n.d.).

Hubungan nasab mewajibkan nafkah antara ibu bapa dan anak-anak (Muhammad Jawad Mughniyah, 1994), manakala sebab pemilikan merujuk kepada kewajipan menafkahi hamba sahaya dan haiwan ternakan (Hasbi ash-Shiddieqy, n.d.). Sebab perkahwinan pula meletakkan kewajipan nafkah ke atas suami terhadap isteri dan anak-anak (an-Nisa', 4:34).

Nafkah 'Iddah Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia

Isu pengabaian nafkah 'iddah selepas perceraian, khususnya talak raj'ie, merupakan permasalahan berterusan yang wajar diberi perhatian serius oleh penggubal dasar. Temu bual dengan Peguam Syarie Mahani Mustapa (2023) menunjukkan peningkatan kes pengabaian nafkah 'iddah yang menjadi faktor konflik lanjutan selepas perceraian, sekali gus membebankan wanita yang tidak mempunyai sumber pendapatan tetap (Hammad, 2014).

Dari sudut perundangan, Malaysia memperuntukkan kewajipan nafkah 'iddah melalui beberapa undang-undang utama. Seksyen 59(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 memberikan kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan bekas suami membayar nafkah kepada bekas isteri dalam tempoh 'iddah. Seksyen 61 pula memperuntukkan bahawa jumlah nafkah hendaklah ditentukan berdasarkan kemampuan suami dan keperluan isteri, manakala Seksyen 65(1) menyatakan bahawa hak nafkah terhenti apabila tamat tempoh 'iddah atau jika isteri disabitkan nusyuz (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2001).

dianggap isteri dari segi hukum dan berhak ke atas nafkah tempat tinggal, makanan dan pakaian, sama ada hamil atau tidak.

Hakikatnya, ketidakpatuhan bekas suami terhadap kewajipan ini memberi implikasi yang besar kepada kesejahteraan bekas isteri, termasuk tekanan emosi, bebanan kewangan dan ketidakstabilan hidup. Dalam banyak kes, bekas isteri terpaksa bergantung kepada keluarga sendiri atau bantuan pihak ketiga, sedangkan syarak meletakkan tanggungjawab utama tersebut di bahu bekas suami sepanjang tempoh 'iddah.

Temu bual dan laporan seperti JKSM (2021), statistik Sulh Negeri Sembilan (2020) dan laporan Telenisa oleh Sisters in Islam (2022) mengukuhkan gambaran bahawa masalah pengabaian nafkah 'iddah bukan isu terpencil. Faktor penyumbang merangkumi:

1. Kekurangan pengetahuan bekas suami mengenai kewajipan syarie dan implikasi undang-undang.
2. Sikap lepas tangan dan enggan bekerjasama dengan Mahkamah Syariah.
3. Proses perbicaraan dan pelaksanaan perintah yang mengambil masa panjang.
4. Kekangan sumber Mahkamah Syariah dan Bahagian Sokongan Keluarga dalam memantau pematuhan.

Kesimpulan dan Cadangan

Secara keseluruhan, nafkah 'iddah merupakan kewajipan yang mesti ditunaikan oleh bekas suami kepada bekas isteri sepanjang tempoh 'iddah selepas perceraian, khususnya talak raj'ie. Kewajipan ini sabit berdasarkan nas al-Quran, hadis dan ijmak ulama, serta diinstitusikan dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa isu pengabaian nafkah 'iddah masih serius, terutamanya apabila peruntukan undang-undang tidak disokong oleh penguatkuasaan yang berkesan dan kesedaran masyarakat yang mencukupi.

Kegagalan menunaikan nafkah 'iddah bukan sahaja menyalahi syarak, bahkan menjejaskan aspek keadilan sosial dan kebajikan wanita.

Berdasarkan dapatan, kajian ini mencadangkan beberapa penambahbaikan berikut:

1. Mempermudah prosedur tuntutan nafkah 'iddah Prosedur pendaftaran, sulh dan pelaksanaan perintah perlu dipermudah dan dipercepat, termasuk penggunaan kaedah dalam talian, sistem pengesanan kes serta garis masa yang lebih jelas.

2. Memperluas bantuan guaman syarie kepada wanita B40 Akses kepada peguam syarie berpengalaman perlu diperluas melalui skim bantuan guaman yang tersusun, agar wanita berpendapatan rendah tidak tercicir daripada mendapatkan keadilan.
3. Memperkasakan mekanisme penguatkuasaan Antara mekanisme yang boleh dipertimbangkan ialah potongan gaji automatik, perintah tahanan gaji, senarai hitam (*blacklist*) bagi kes ingkar berulang, serta kerjasama antara Mahkamah Syariah dan agensi lain dalam pengesanan aset.
4. Meningkatkan pendidikan dan kesedaran masyarakat Program pendidikan berterusan melalui khutbah, kursus pra dan pasca perkahwinan, serta kempen media perlu digerakkan bagi menjelaskan secara tuntas tanggungjawab nafkah 'iddah dan implikasi pengabaian.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah tersebut, diharapkan isu pengabaian nafkah 'iddah dapat diminimumkan dan hak wanita yang diceraikan dapat dilindungi selaras dengan tuntutan syarak serta kehendak undang-undang negara.

Rujukan

- Abdul Rahim, A. R. (2015). Nafkah 'iddah menurut perspektif hukum syarak dan undang-undang Malaysia. *Jurnal Syariah*, 23(2), 201–218.
- Al-Hafidh Ibn Hajar al-'Asqalani. (n.d.). *Bulugh al-maram*. Maktabah al-Tijarah al-Kubra.
- Al-Jaziri, A. (2003). *Al-fiqh 'ala al-mazahib al-arba'ah* (Vol. 4). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Kasani, A. (2000). *Bada'i' al-sana'i' fi tartib al-shara'i'* (Vol. 4). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Y. (1995). *Syarh sahih Muslim* (Vol. 4). Dar al-Fikr.
- Al-Syirazi, I. (1995). *Al-muhadhdhab fi fiqh al-imam al-syafi'i* (Vol. 2). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Azman, A., & Hashim, N. H. (2020). Pengabaian nafkah: Analisis terhadap faktor-faktor dan implikasi sosial. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1), 77–90.
- Md Isa, M. Y. A. (2022, Oktober). *Sudut pandang Imam al-Nawawi dalam hal tanggungjawab menyantuni keluarga berdasarkan hadis Sahih Muslim* [Kertas pembentangan]. Seminar Warisan Nabawi Kali ke-8, hlm. 29.
- Dar al-Ifta' al-Misriyyah. (n.d.). *Laman rasmi Dar al-Ifta' al-Misriyyah*. <https://www.dar-alifta.org>

- Hammad, M. (2014). Hak-hak perempuan pasca perceraian: Nafkah 'iddah talak dalam hukum keluarga Muslim Indonesia, Malaysia dan Yordania. *Al-Ahwal: Jurnal Hukum Keluarga Islam*, 7(1), 17–28.
- Hasbi ash-Shiddieqy, M. (n.d.). *Hukum-hukum fiqh Islam* (Cet. 4). Bulan Bintang.
- Ibn Abidin, M. A. (1992). *Radd al-muhtar 'ala al-durr al-mukhtar* (Vol. 4). Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, A. (1997). *Al-mughni* (Vol. 7). Dar al-Fikr.
- Ibnu Majah. (n.d.). *Sunan Ibnu Majah* (Vol. 2). Dar al-Hadith.
- Imam Muslim. (n.d.). *Sahih Muslim* (Vols. 1–2). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Imron Abu Amar. (n.d.). *Fath al-qarib*. Menara Kudus.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2021). *Laporan tahunan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (n.d.). *Portal rasmi JKSM*. <https://www.jksm.gov.my>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (n.d.). *Portal rasmi e-Fatwa*. <https://www.e-fatwa.gov.my>
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. (2001). *Analisis undang-undang keluarga Islam di Malaysia: Isu dan cabaran*. Lembaga Penyelidikan Undang-Undang.
- Muhammad Jawad Mughniyah. (1994a). *Fiqh al-ahl al-bayt* (Vol. 2). Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Muhammad Jawad Mughniyah. (1994b). *Fiqh lima mazhab* (Cet. 1). Basrie Press.
- Muhammad Zuhaili bin Salman. (2023). [Sila masukkan tajuk rujukan di sini].
- Mustafa al-Khin, S., al-Zuhaili, W., & al-Dasuqi, M. (2019). *Al-fiqh al-manhaji* (Vol. 5). Dar al-Fikr.
- Sabri, M., & Hassan, R. (2018). Peranan Mahkamah Syariah dalam menangani tuntutan nafkah 'iddah di Malaysia. *Jurnal Hukum & Masyarakat*, 32(2), 55–66.
- Sarwat, A. (2021). *Nafkah batin: Perspektif psikologi dalam perkahwinan Islam*. Penerbit Universiti Malaya.
- Sisters in Islam. (2022). *Laporan Telenisa mengenai isu nafkah 'iddah*.
- Sulh Negeri Sembilan. (2020). *Statistik tuntutan nafkah 'iddah Negeri Sembilan*.
- Wahbah al-Zuhaili. (2007). *Fiqh al-islam wa adillatuhu* (Vol. 6). Dar al-Fikr.
- Wan Ismail, W. A. F., Syed Husin, S. N., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Mamat, Z., & Alias, M. A. A. (2022). Konsep perkahwinan menurut perspektif fiqh dan undang-undang Islam di Malaysia. In *Proceedings of International Prophetic Conference (SWAN) FPQS USIM, (8th)*, (pp. 14–28).
- Zakaria Ahmad al-Barry. (1977a). *Ahkam al-aulad fi al-islam* (Cet. 1). Bulan Bintang.
- Zakaria Ahmad al-Barry. (1977b). *Fiqh perbandingan mazhab: Hukum keluarga Islam*. Pustaka al-Ameen.